

## **Bomba selamat dua nenek**

**Kluang:** Dua wanita warga emas diselamatkan oleh bomba selepas kediaman mereka dinaiki air sedalam kira-kira 0.7 meter (m) di Jalan See Sun, Renggam



DUA warga emas yang terperangkap sebelum diselamatkan.

dekat sini, kira-kira 8 malam kelmarin.

Komander Operasi, Pegawai Bomba Kanan II, Ismail Mamat berkata, sebaik menerima maklumat, sepasukan lapan anggota dengan sebuah jentera dikejarkan ke lokasi kejadian.

Katanya, pemeriksaan mendapati mangsa, Liu Chow Tai, 76, dan Lee Su Moi, 78, terperangkap di dalam rumah.

"Bomba mengambil masa kira-kira 30 minit untuk memindahkan mangsa sebelum dihantar ke Pusat Penempatan Sementara (PPS) di Sekolah Kebangsaan Jubli Intan, Renggam," katanya.

Sementara itu, Sekretariat Jawatankuasa Pengerusan Bencana Negeri Johor dalam kenyataannya berkata, hujan lebat bermula 3 petang kelmarin menyebabkan banjir di beberapa kawasan di sekitar pekan Renggam.